

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH PERUBATAN (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN SAINS PERGIGIAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- I. PENSYARAH PERUBATAN GRED DU13
- II. PENSYARAH PERUBATAN PELATIH GRED DU13P

BIDANG

FISIOLOGI

KELAYAKAN PENSYARAH PERUBATAN GRED DU13

- i. Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Perubatan; DAN**
- ii. Memperoleh Ijazah Sarjana (MSc) **atau** Doktor Falsafah (PhD) (diberikan keutamaan) dalam bidang **Fisiologi** daripada insituti pengajian tinggi tempatan **atau** luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan **atau** kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **DAN**
- iii. Berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **DAN**
- iv. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

KRITERIA TAMBAHAN PENSYARAH PERUBATAN GRED DU13

- i. Mempunyai pengalaman mengajar.
- ii. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; **DAN**
- iii. Rekod penyelidikan yang baik.
- iv. Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.
- v. Sekurang-kurangnya **dua (2)** penerbitan dalam jurnal berindeks akan diberikan keutamaan.

SPESIFIKASI TUGAS PENSYARAH PERUBATAN GRED DU13

- i. Bertanggungjawab sebagai penyelaras kursus bagi program akademik di Pusat Pengajian Sains Pergigian.
- ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang boleh menyelia pelajar prasiswazah termasuk pelajar Sarjana/Doktor Falsafah, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan dalam bidang Fisiologi.
- iii. Terlibat dalam pelbagai tugas dan perkhidmatan berkaitan universiti, komuniti, industri, pengkomersialan, serta kepimpinan akademik.

KELAYAKAN PENSYARAH PERUBATAN PELATIH GRED DU13P

- i. Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan atau Doktor Perubatan dan Pembedahan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; DAN
- ii. Memperoleh kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

SPESIFIKASI TUGAS PENSYARAH PERUBATAN PELATIH DU13P

- i. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan; DAN
- ii. Bertanggungjawab merancang dan mendapatkan tempat pengajian Sarjana dalam bidang Fisiologi di institusi pengajian tinggi di dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
- iii. Terlibat dalam aktiviti asas pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Menyertai aktiviti perkhidmatan, khidmat komuniti dan program outreach yang dianjurkan oleh pusat pengajian.
- v. Melibatkan diri dalam kursus latihan, bengkel dan aktiviti pembangunan profesional ke arah kepakaran dalam bidang berkaitan.

CARA MEMOHON

Majukan secara email borang permohonan perjawatan yang boleh didapati di laman sesawang Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan <https://dental.usm.my> dan sertakan butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **23 Ogos 2026** kepada:

**Dekan
Pusat Pengajian Sains Pergigian
Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian
Kelantan
Emel : dental@usm.my**

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.